

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 6 SEPTEMBER 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 20  
SURAT

## Pengekalan OPR sokong pertumbuhan ekonomi

### Pengekalan OPR sokong pertumbuhan ekonomi

**Keputusan Bank Negara Mala-**  
**laysia** (BNM) mengekalkan Kadar Dasar Semalam (OPR) pada 2.75 peratus mencerminkan pendirian yang menyokong di tengah-tengah ekonomi domestik yang berdaya tahan.

Pengarah Penganalisis Strategi Pelaburan dan Ekonomi IPP Wealth Managers, Mohd Sedek Jantan, berkata dengan langkah itu, BNM dapat mengekalkan ruang dasar untuk melindungi daripada potensi ketidakstabilan dalam permintaan global.

Beliau berkata, disamping itu, ia dapat menastikan OPR kekal kondisi untuk pertumbuhan di samping menjalankan harga dan terus memantau impak global terhadap ekonomi Malaysia.

"Pada peringkat serantau, ini sejajar dengan trend yang lebih meluas dalam kalangan pihak berkuasa monetari ke arah mengekalkan kestabilan selepas kitaran pengetatan sebelum ini, menebakkan peralihan daripada kawalan inflasi kepada pemelibaran pertumbuhan."

"Malah, petunjuk ke hadapan menunjukkan bahawa perbelanjaan isi rumah dan pelaburan yang berterusan akan terus menggalakkan pengembangan ekonomi tanpa menyebabkan ia terlalu panas (overheating), di samping sokongan berterusan kepada eksport dari sktor teknologi dan pelajurangan."

"Walaupun perkembangan dasar perdagangan masih boleh

mempengaruhi prospek pertumbuhan global, ketidakpastian telah berkurangan setakat tertentu. Kos global yang terkawal, digabungkan dengan ketidaaan permintaan domestik yang berlebihan, dijangka mengehadkan tekanan harga," katanya.

BNM menerusi Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) pada Rabu memutuskan untuk mengekalkan OPR pada 2.75 peratus.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid pula berkata, langkah pengekalan OPR itu dijangka ideal bagi menyokong ekonomi domestik negara serta perkembangan ekonomi global.

Beliau berkata, setelah menu-

runkan kadar sebanyak 0.25 peratus pada mesyuarat MPC yang lalu, ekonomi negara kini berahad pada landasan terbaik untuk terus mencapai unjuran awal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi 2025 iaitu antara 4 hingga 4.8 peratus.

Malah katanya, bagi Suku Pertama dan Suku Kedua tahun ini, pertumbuhan masing-masing mencatatkan 4.4 peratus walaupun berdepan cabaran ketidakstabilitan ekonomi global berikutan pengumuman Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, yang mengenakan tarif import ke atas pelbagai negara termasuk Malaysia.

Selain itu juga katanya, ekonomi domestik yang menyumbang

hampir 90 peratus pertumbuhan KDNK turut mengekalkan momentumnya, antaranya melalui jualan kereta tempatan yang mencatatkan paras tertinggi di Asia Tenggara bagi tempoh Januari hingga Julai.

"Perbelanjaan kerajaan Madani, khususnya melalui program Sumbangan Asas Rahmah (SARA), turut menyuntik aliran tunai ke dalam ekonomi, memberi kesan berbanda kepada sektor runcit, makanan dan pengangkutan."

"Bantuan tunai RM100 yang diagihkan kepada rakyat pada September dijangka membantu kan perbelanjaan RM2 billion, sekali gus memastikan aliran wang kekal berlebar dalam negara," katanya.